




**AmBank Group**



## SIARAN MEDIA

11 Mac 2024

### **AmBank beri kemudahan pembiayaan RM300 juta kepada Uzma Berhad dalam usaha menyokong agenda Kecekapan Operasi dan Kemampanannya**



*En. Christopher Yap (Pengarah Urus Perniagaan di Kumpulan AmBank) and En. Lee Chen Yow (Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Uzma), kelihatan di sini menandatangani perjanjian, dengan kehadiran saksi En. Jamie Ling (Ketua Pegawai Kumpulan AmBank) dan Dato' Kamarul Redzuan Muhamed (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Uzma).*

1

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group  
Level 46, Menara AmBank, 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

[ambankgroup.com](http://ambankgroup.com)

AmBank

[ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

AmBankMY

**Customer Care:**

03-2178 8888

[customer care@ambankgroup.com](mailto:customer care@ambankgroup.com)



**AmBank Group**



## **SIARAN MEDIA**

Kumpulan AmBank telah meluluskan kemudahan pembiayaan RM300 juta kepada Uzma Engineering Sdn Bhd (UESB), anak syarikat milik penuh Uzma Berhad dan penyedia penyelesaian tenaga dan teknologi terkemuka. Tujuan pembiayaan adalah untuk menyokong kontrak utama yang dianugerahkan oleh PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. ("PCSB") yang merupakan anak syarikat penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS). Ini termasuk:

- Penyediaan Operasi Hidraulik Workover dan Plug & Abandonment (Pakej A: 340K HWU Rig & Package B: 460K HWU Rig), yang telah dianugerahkan pada Mei 2023; dan lanjutan kontrak bagi Penyediaan Pemajakan, Operasi, dan Penyelenggaraan Kemudahan Suntikan Air untuk PCSB, yang telah diberikan pada Oktober 2022.

Uzma berada di barisan hadapan sebagai antara penerima manfaat utama laporan Tinjauan Aktiviti PETRONAS 2024-26. Dengan jangkaan peningkatan aktiviti huluan oleh PETRONAS, prospek kekal positif bagi penyedia perkhidmatan huluan seperti Uzma. Uzma telah meletakkan dirinya sebagai penyedia penyelesaian yang berdaya saing, memanfaatkan usaha peralihan tenaga yang berterusan untuk memacu pertumbuhan yang mampan.

2

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group  
Level 46, Menara AmBank, 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

 [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com)

 AmBank

 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

 AmBankMY

**Customer Care:**

 03-2178 8888

 [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)



**AmBank Group**



## **SIARAN MEDIA**

"Kami amat berbesar hati untuk menyokong Uzma Group, penyedia perkhidmatan utama kepada PCSB dan PETRONAS dalam peralihan perubahan iklim mereka ke arah menjana tenaga mampan yang sejajar secara strategik dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional. Kerjasama strategik ini bertujuan untuk menyokong perbelanjaan operasi penting untuk kontrak yang bukan sahaja memacu kecekapan dan inovasi dalam sektor minyak dan gas negara tetapi juga sejajar dengan visi bersama untuk masa depan yang lebih mampan. Kami percaya bahawa pembiayaan yang bertanggungjawab adalah penting dalam memupuk operasi yang mampan merentas industri, dan inisiatif ini membuktikan komitmen kami untuk berada di barisan hadapan dalam pemeliharaan alam sekitar sambil menyokong pertumbuhan ekonomi." **kata Jamie Ling, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan AmBank.**

**Christopher Yap, Pengarah Urusan, Perbankan Perniagaan, Kumpulan AmBank berkata,** "Selaras dengan dedikasi AmBank untuk mempromosikan amalan mampan, pengaturan pembiayaan dengan UESB ini adalah bukti pendekatan proaktif kami dalam menyokong pelanggan kami melalui amalan perbankan yang bertanggungjawab. Dengan menyokong usaha UESB untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kesan alam sekitar dalam sektor minyak dan gas, kami bukan sahaja melabur dalam masa depan perniagaan, tetapi juga pada masa depan bumi kita. Inisiatif ini menekankan kepercayaan kami terhadap kuasa perkongsian<sup>3</sup>

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group  
Level 46, Menara AmBank, 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

 [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com)

 [AmBank](https://www.facebook.com/AmBank)

 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

 [AmBankMY](https://twitter.com/AmBankMY)

**Customer Care:**

 03-2178 8888

 [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)



**AmBank Group**



## **SIARAN MEDIA**

dan inovasi untuk memacu kemajuan bermakna ke arah matlamat kemampanan. Kami teruja untuk memainkan peranan penting dalam memudahkan kemajuan kritikal ini, mempamerkan komitmen berterusan kami untuk menyumbang secara positif kepada komuniti dan alam sekitar."

### **Dato' Kamarul Redzuan Muhamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Uzma,**

menzahirkan penghargaan kepada Kumpulan AmBank atas sokongan berterusan mereka kepada sektor minyak dan gas. "Perjanjian pembiayaan ini menekankan keyakinan AmBank terhadap keupayaan Uzma dan kedudukan strategik kami di dalam industry ini," kata Dato' Kamarul. Beliau seterusnya menambah, "Berdedikasi untuk memajukan landskap tenaga, Uzma menghargai komitmen teguh Kumpulan AmBank untuk menyokong sektor tenaga. Dengan pembiayaan ini, kami bersedia untuk menunaikan janji kami, memacu penyelesaian yang mampan dengan jejak karbon rendah dan menyumbang kepada keselamatan tenaga negara."

Kemudahan pembiayaan daripada Kumpulan AmBank ini mencerminkan komitmen bersama untuk memacu pertumbuhan dan inovasi dalam sektor tenaga. Uzma berharap dapat memanfaatkan sokongan ini untuk mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai penyedia penyelesaian terkemuka dalam industri.

4

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group  
Level 46, Menara AmBank, 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

 [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com)

 AmBank

 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

 AmBankMY

**Customer Care:**

 03-2178 8888

 [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)



**AmBank Group**



## SIARAN MEDIA

### **About AmBank Group**

*AmBank Group is a leading financial services group with over 40 years of expertise in supporting the economic development of Malaysia. We have over three million customers and employ over 8,000 people.*

*The Group was listed on the Main Market of Bursa Malaysia in 1988. It is the sixth-largest banking group by assets in Malaysia, with a market capitalisation of more than RM12 billion as at 31 March 2023.*

*AmBank Group serves over three million individual and corporate customers. It provides services in wholesale banking, retail banking, business banking, investment banking and related financial services which include Islamic banking, underwriting of general insurance, life insurance, family takaful, stock and share broking, futures broking, investment advisory and asset management services in unit trusts and real estate investment trusts.*

For more information, please visit [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)

---

For further information, please contact Ridzuan Zulkifli, Senior Vice President, Group Corporate Communications and Marketing, AmBank Group at [ridzuan.zulkifli@ambankgroup.com](mailto:ridzuan.zulkifli@ambankgroup.com) and the Media Relations team at [media.relations@ambankgroup.com](mailto:media.relations@ambankgroup.com)

---

### **ABOUT UZMA**

*Uzma is a leading Malaysian company in the energy and technology industry, with operations across Malaysia, Thailand, Indonesia, and the Philippines. Our track record in delivering exceptional customer service and high-quality solutions has solidified our presence in the region, especially in the area of well and production solutions in the energy sector.*

*Uzma is expanding into new markets and offers innovative services that go beyond the Malaysian borders and our traditional business. We have strategically repositioned our business, emphasizing integrated solutions, asset/technology-based approaches, and diversification into new growth areas such as New Energy, Digital Earth, and Energy Trading business.*

For more information on Uzma and our transformative solutions, visit us at [www.uzmagroup.com](http://www.uzmagroup.com).

---

For further information, please contact [communications@uzmagroup.com](mailto:communications@uzmagroup.com), Tel: +603 7611 4000

---

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group  
Level 46, Menara AmBank, 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

 [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com)  AmBank  [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)  AmBankMY

**Customer Care:**  03-2178 8888  [customer care@ambankgroup.com](mailto:customer care@ambankgroup.com)